

KUMPULAN 11 MINTA SAYA BERHENTI - PM

KUALA LUMPUR 13 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa kumpulan 11 orang yang menyeret UMNO ke mahkamah telah menuntut supaya beliau meletakkan jawatan Presiden UMNO dan menerima orang pilihan mereka sebagai ganti.

Perdana Menteri menegaskan tujuan mereka membawa UMNO ke mahkamah kerana mereka ingin menggantikan

presiden parti dengan orang lain dan bukannya soal sah atau tidak sah perhimpunan agung parti 24 April lalu.

Beliau juga memberitahu bahawa ada pakatan yang menguruskan supaya UMNO dibawa ke mahkamah kerana mustahil orang - orang yang mendakwa UMNO itu berkumpul serentak sedangkan mereka datang dari beberapa buah negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat pendedahan ini dalam ucapannya di depan 40 orang wakil pekebun - pekebun kecil yang datang untuk melafazkan taat setia kepada beliau bagi pihak 500,000 pekebun kecil di seluruh negara di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Perdana Menteri menegaskan bahawa pucuk pimpinan tidak dapat tunduk kepada syarat - syarat yang dibuat oleh kumpulan 11 itu untuk menyelesaikan masalah itu di luar mahkamah.

"Jalan rundingan masih ada tetapi mereka tidak bertolak ansur, mereka meminta presiden parti (Datuk Sri Dr. Mahathir) meletak jawatan dan menggantikan orang lain (pilihan mereka) sebagai presiden, tidak boleh orang lain," katanya.

Beliau menambah: "Kita tanya orang lain tidak bolehkah (untuk jawatan presiden) dan kata mereka orang lain tidak boleh ... orang ini sahaja."

Berikutan itu, katanya, mereka telah membawa perkara itu ke mahkamah yang kemudiannya telah membuat keputusan mengenainya.

"Inilah yang kita sedih. Kita sesama kita berkelahi, janganlah bawa ke mahkamah," katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir ada pakatan yang menguruskan supaya UMNO dibawa ke mahkamah.

"Mustahil orang - orang Pulau Pinang, Pahang dan lain - lain akan bertindak bersama (saman UMNO) tetapi ada pakatan yang menguruskannya," ujarnya.

Perdana Menteri berkata mereka yang terlibat membawa parti ke mahkamah juga telah membelakangkan Majlis Tertinggi UMNO dan memberi kuasa kepada mahkamah untuk menentukan kedudukan UMNO sedangkan parti itu sendiri mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah.

"Mahkamah bukan UMNO punya dan mahkamah tidak hirau hidup mati UMNO serta tidak ada sentimen terhadap perasaan orang - orang Melayu sebaliknya mahkamah berpegang kepada undang - undang," katanya lagi sebagai menjelaskan kenapa masalah UMNO gagal diselesaikan cara rundingan.

"Kita (UMNO) tidak akan menjadi haram sekiranya kita sesama kita sendiri menyelesaikan masalah itu dan tidak membawanya ke mahkamah. Dulu tak ada perkara macam ini tetapi sekarang ada orang membelakangkan kita," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, UMNO mempunyai 8,000 cawangan dan untuk menentukan sama ada cawangan - cawangan itu sah atau tidak, setiausaha agung parti terpaksa pergi dari satu cawangan ke satu cawangan.

"Tentulah mustahil da-

LIHAT MUKA 7

Kumpulan 11 minta berhenti

lam masa tiga bulan (90 hari), pengesahan dibuat untuk 100 hingga 200 cawangan sehari," katanya.

Katanya, selepas mesyuarat tiap cawangan, UMNO menaruh kepercayaan kepada tiap bahagian untuk melaporkan apa yang berlaku di cawangan berkenaan dan pihak tertinggi UMNO terpaksa menerima laporan yang diberikan kerana untuk pergi ke satu - satu cawangan amat sukar.

"Kita sangka semua cawangan itu (30 cawangan yang dipertikaikan) sah mesyuarat kerana Majlis Tertinggi UMNO tidak menerima apa - apa laporan selepas 14 hari dari bahagian yang mengatakan ada cawangan yang tidak sah," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, sekiranya ada cawangan yang tidak sah, perkara itu boleh disampaikan kepada Majlis Tertinggi tetapi selepas 14 hari apa laporan pun tidak dibawa

mengenai kesahihan buah cawangan itu.

"Sebaliknya selepas mesyuarat kononnya mereka tidak dapat tahu ada cawangan tak sah," katanya lagi.